

NEWSLETTER

January 6, 2023



59 orang pengedar TDC terutama di Pantai Timur yang terkesan akibat bencana banjir telah menerima sumbangan berupa RM100 pada 6 Januari 2023.

Salah satu mandat TDC Care Berhad diwujudkan adalah untuk membantu komuniti rentan dari segi Kehidupan Mampan (*Livelihood*), inisiatif ini dimulakan dengan pemberian sumbangan bantuan banjir. Pada akhir tahun 2022, negeri di Pantai Timur terutama Kelantan dan Terengganu mengalami hujan lebat yang berterusan sehingga menyebabkan banjir yang agak teruk di beberapa kawasan rendah. Pengedar TDC yang tinggal di kawasan berhampiran juga terjejas akibat bencana alam ini.

Melihat akan keadaan ini, TDC Care Berhad terpanggil untuk membantu dan menubuhkan Tabung Khas Bencana Banjir. Tabung ini telah mengumpul dana sebanyak RM5,243 setelah beberapa hari dilancarkan.

Menggunakan dana yang dikumpulkan melalui sumbangan daripada ahli dan bukan ahli TDC, dan dana khusus syarikat, TDC telah memberikan bantuan kepada 59 keluarga pengedar terjejas. Alhamdulillah semoga bantuan ini dapat meringankan beban mereka yang terkesan.